



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (16 MAC 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan kebimbangan dengan pengumuman Kerajaan baru-baru ini bahawa Ordinan Darurat Kuasa-kuasa Perlu (No. 2) 2021 [PU (A) 110] akan digunakan dalam tempoh darurat untuk mengekang berita tidak benar dan tindakan terhadap individu yang mengadakan, menerbit dan menyebarkan berita tidak benar mengenai COVID-19 atau proklamasi darurat. SUHAKAM juga mengambil maklum kenyataan lanjut Kerajaan bahawa ia akan membezakan antara kritikan kepada Kerajaan dan penyebaran berita palsu sebelum mengambil tindakan.

SUHAKAM berpandangan bahawa pengenaan denda yang tinggi termasuk pengenaan denda sehingga RM100,000, atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali di bawah Ordinan ini akan menyekat kebebasan memberikan pandangan, bersuara, dan bercakap seperti yang termaktub di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan prinsip serta piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. SUHAKAM berharap agar Ordinan ini bukan cubaan untuk mengembalikan Akta Anti-Berita Tidak Benar 2018 yang telah dimansuhkan pada Disember 2019.

SUHAKAM ingin mengingatkan Kerajaan tentang kewajipan untuk melindungi hak kebebasan bersuara, termasuk hak untuk mencari, menerima dan menyampaikan maklumat. Sekatan terhadap kebebasan bersuara hanya boleh dikenakan apabila perlu dan tertakluk kepada undang-undang dan bersekadar bagi memenuhi tujuan yang munasabah, termasuk untuk melindungi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam atau moral, atau hak individu lain.

Demi kepentingan untuk menangani maklumat yang tidak tepat atau salah mengenai vaksin COVID-19, SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk meningkatkan lagi maklumat serta kempen kesedaran. Kerajaan perlu meneliti semula keputusan untuk menguatkuasakan Ordinan ini dan menggunakan undang-undang sedia ada yang telah melalui proses perundangan di Parlimen bagi menangani pelbagai bentuk ucapan kebencian dan/atau berita tidak benar.

SUHAKAM turut menggesa Kerajaan untuk mengadakan sidang Parlimen dengan kadar segera seperti yang termaktub di bawah Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan agar undang-undang boleh dibahaskan sebelum ia diluluskan. Ini merupakan mekanisma semak imbang bagi memastikan undang-undang yang diluluskan tidak melanggar hak asasi semua.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**16 Mac 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*

***“Hak Asasi untuk Semua”***

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600